

PKR berkempen habis-habisan di Sg Aceh walaupun isu pertindihan belum selesai

Malaysian Insider

April 22, 2013

Oleh Opalyn Mok

NIBONG TEBAL, 22 April — Calon PKR di kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Sungai Aceh, Badrul Hisham Shaharin, berkempen habis-habisan dalam pertarungan kerusi luar bandar yang masih bertindih dengan calon PAS Yusni Mat Piah dan pihak lawan Barisan Nasional (BN) Datuk Mahmud Zakaria.

Walaupun kepimpinan PAS dan PKR akan bertemu hari ini untuk berbincang pertindihan kerusi antara kedua-dua parti termasuk di Sungai Aceh, Badrul Hisham ataupun dikenali sebagai Che'GuBard seolah-olah sudah menerima pertarungan tiga penjuru yang bakal dihadapinya bagi memberi pilihan kepada pengundi.

Beliau percaya tiada keperluan untuknya menarik diri daripada bertanding dan berkata tidak kisah akan berhadapan dengan siapa pun lawan dalam satu sidang media hari ini.

"Saya percaya dalam demokrasi dan tiada halangan dalam PR kerana hal ini," katanya.

Semasa mengumumkan 10 perkara utama manifesto kepada penduduk Sungai Aceh, antaranya pembangunan, jambatan baru dan peluang pekerjaan, Badrul Hisham juga berkata ia adalah pertarungan tentang polisi melebihi segala-galanya.

"Oleh sebab itu saya menganjurkan sesi debat antara kedua-dua calon BN dan PAS supaya kita boleh berdebat tentang polisi kita untuk Sungai Aceh dan biar orang ramai buat keputusan," tambah Badrul Hisham.

Penulis blog tersebut juga berkata memiliki formula istimewa bagi menunjukkan PKR akan memenangi kerusi itu walaupun langkah beliau bertanding disitu dilihat akan memberi kesan kepada kedua-dua parti komponen Pakatan Rakyat (PR) itu.

Apabila ditanya tentang "hubungan" antara PKR dan PAS, Badrul Hisham berkata masih menghadiri ceramah yang diadakan PAS seperti yang dihidirinya baru-baru ini di Bayan Lepas dimana beliau juga menjemput pemimpin PAS ke ceramahnya.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/pkr-berkempen-habis-habisan-di-sg-aceh-walaupun-isu-pertindihan-belum-selesai/>